

UMS jana transformasi pembangunan

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

► *Demi menampung keperluan ekonomi dan sosial pelajar*

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjana satu transformasi pembangunan pesat dalam tempoh yang pantas di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Aman berkata demikian ketika menyampaikan amanatnya pada Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa baharu UMS di Dewan Canselor, di sini kelmarin.

Beliau yang juga Pro Canselor UMS berkata, sejak kewujudan UMS di Sabah, pembangunan dan kemajuan negeri ini bergerak seiring demi menampung keperluan ekonomi dan sosial pelajar.

"Implikasi postifnya juga telah memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup dan ekonomi masyarakat sekitarnya. Suka saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus komited dan bekerjasama dalam membantu usaha ke arah kemajuan tahap pendidikan negara," katanya.

"Suka saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus komited dan bekerjasama dalam membantu usaha ke arah kemajuan tahap pendidikan negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru kepada pelajar baharu UMS supaya memanfaatkan peluang pendidikan yang diberikan dengan mengadakan pertemuan dan

“Implikasi postifnya juga telah memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup dan ekonomi masyarakat sekitarnya. Suka saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus komited dan bekerjasama dalam membantu usaha ke arah kemajuan tahap pendidikan negara.”

DATUK SERI PANGLIMA MUSA AMAN

Ketua Menteri



MUSA (kiri) diringi oleh Harun (dua kiri) dan ahli-ahli senat UMS ketika perarakan masuk ke dalam Dewan Canselor.

perbincangan berkumpulan dalam menambah ilmu pengetahuan.

Turuthadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Pegawai

Kanan Universiti, Pegawai Utama dan ahli-ahli senat UMS.